

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 4/2022

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN LARANGAN MEROKOK DI DALAM KAWASAN KAMPUS
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PINDAAN)**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.1/2022 bertarikh 3 Januari 2022 telah **meluluskan** Garis Panduan Larangan Merokok Di Dalam Kawasan Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (Pindaan).

3. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan dan memerlukan pencerahan, pegawai berikut boleh dihubungi untuk maklumat lanjut:

BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO. TELEFON
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA			
a.	Ketua Bahagian Pentadbiran & Kemudahan Jabatan Pendaftar (<i>Berkaitan Garis Panduan</i>)	kbpk@ukm.edu.my/ a-aini@ukm.edu.my	03-8921 5075
b.	Ketua Pentadbiran Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM) (<i>Berkaitan Pelaksanaan Garis Panduan</i>)	tiqah@ukm.edu.my	03-8921 4988
c.	Unit Kesihatan Awam Pusat Kesihatan Universiti (PKU) (<i>Berkaitan Pelaksanaan Garis Panduan</i>)	mohamadfitri05@ukm.edu.my	03-8921 4509



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

HOSPITAL CANCELOR TUANKU MUHRIZ			
d.	Ketua Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)	oshekl@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 8217
HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK UKM			
e.	Pegawai Keselamatan Unit Keselamatan Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM	shahrulazmin@ukm.edu.my	03-9191 2200

4. Selaras dengan pindaan garis panduan ini, Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 22/2020 bertarikh 19 Ogos 2020 adalah **dibatalkan**.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Yang benar,



DATO' DR. SYED KAMARUDIN BIN SADAQQUTHULLA
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan -Timbalan Naib Canselor
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM), Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM UKM)
 - Pengarah, Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM (HPKK UKM)
 - Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>



GARIS PANDUAN LARANGAN MEROKOK DI DALAM KAWASAN KAMPUS UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PINDAAN)

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk melaksanakan penguatkuasaan larangan merokok di kawasan kampus Universiti Kebangsaan Malaysia dan memberi panduan yang jelas berhubung peraturan, penguatkuasaan dan penalti yang akan dikenakan kepada warga yang mengingkari peraturan berkaitan selaras dengan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MJPU) Bil.1/2022 bertarikh 3 Januari 2022.

2. OBJEKTIF

- 2.1. Memperkasakan warga UKM dalam membudayakan amalan tidak merokok;
- 2.2. Meningkatkan kesedaran warga UKM tentang bahaya merokok; dan
- 2.3. Melaksanakan peraturan-peraturan berkaitan kawalan hasil tembakau kepada warga UKM.

3. LATAR BELAKANG

Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (P.U.(A) 324/2004) yang diwartakan telah menyatakan dengan jelas berhubung tempat larangan merokok seperti berikut:

Tempat Dilarang Merokok

11. (1) *Tiada seorang pun boleh merokok:*
(j) *di mana-mana kawasan di dalam suatu institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi;*

4. TAFSIRAN

- | | | |
|----------------|---|---|
| Hasil Tembakau | - | Tembakau, rokok, shisha, paip, rokok daun, cerut, rokok elektronik atau apa-apa bentuk lain tembakau termasuk apa-apa campuran yang mengandungi tembakau yang dimaksudkan untuk kegunaan manusia. |
| Kampus | - | Keseluruhan kawasan Universiti Kebangsaan Malaysia termasuk Hospital Pengajar, Perumahan Bukit Puteri dan bangunan komersial yang berada dalam kampus UKM. |
| Merokok | - | Menyedut dan menghembus asap dari apa-apa hasil tembakau termasuk memegang atau mempunyai kawalan ke atas apa-apa hasil tembakau yang menyala. |

Staf	-	Mana-mana individu yang diambil bekerja oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.
Pelajar	-	Seseorang yang berdaftar yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, prasiswazah, siswazah dan doktor falsafah secara sepenuh masa atau sambilan dalam oleh atau dari Universiti dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran atau pelajar tidak berijazah.
Pekerja kontrak	-	Mana-mana individu yang bekerja di dalam kawasan kampus Universiti Kebangsaan Malaysia atas lantikan kontrak universiti / syarikat.
Orang Awam	-	Mana-mana orang luar selain daripada staf dan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia.
Penguat kuasa	-	Mana-mana staf yang dinamakan di dalam peraturan ini.
Tembakau	-	Apa-apa hasil yang diperolehi daripada daun pokok <i>Nicotina Tobacum</i> atau pokok-pokok yang berkaitan yang lain termasuklah apa-apa hasil tembakau.
Rokok	-	Apa-apa hasil yang mengandungi keseluruhan atau sebahagian tembakau yang dipotong, dicarik atau dikilang, atau apa-apa terbitan atau pengganti tembakau, yang digulung di dalam pembalut kertas tunggal atau lebih dan yang boleh digunakan serta merta untuk merokok.
Hospital Pengajar	-	Hospital Canselor Tuanku Muhriz dan Hospital Pakar Kanak-Kanak

5. PENGUATKUASAAN

5.1. PENGUAT KUASA

- a. Pegawai yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan larangan merokok dalam kawasan kampus Universiti Kebangsaan Malaysia termasuk memberi notis adalah seperti berikut:
 - i. Pegawai Insiden yang dilantik di Pusat Tanggungjawab (PTj);
 - ii. Anggota Keselamatan di Bahagian Keselamatan, Jabatan Pendaftar dan Hospital Pengajar;
 - iii. Staf Kesihatan di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan Unit Keselamatan Kesihatan Pekerjaan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM); dan
 - iv. Pegawai dan Felo Kolej Kediaman Pelajar.

- b. Penguat kuasa perlu mengemukakan notis larangan merokok ini kepada Pegawai/ Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran yang berada di PTJ berikut:
 - i. Pusat Kesihatan Universiti (PKU); dan
 - ii. Unit Keselamatan Kesihatan Pekerjaan HCTM.

5.2. BIDANG KUASA PENGUAT KUASA

Seorang penguat kuasa diberi kuasa pada bila-bila masa bagi melaksanakan dengan usaha yang wajar atau lebih kewajipannya untuk:

- a. Meminta dikemukakan dokumen pengenalan diri atau apa-apa dokumen lain yang diarahkan oleh Pegawai Penguat kuasa;
- b. Meminta berhenti merokok, memberhentikan nyalaan rokok dan menahan mana-mana pihak yang didapati melanggar mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini;
- c. Mengeluarkan notis serta merta terhadap mana-mana pihak yang didapati melanggar garis panduan ini; dan
- d. Menghantar notis kepada Pegawai/ Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran di UKM bagi tujuan siasatan dan penetapan denda atau tindakan yang boleh dikenakan.

5.3. PROSES PENGUATKUASAAN

- a. Berdasarkan peraturan sedia ada, Pegawai/ Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran sahaja mempunyai kuasa bagi mengeluarkan denda kesalahan tidak mematuhi larangan merokok;
- b. Sehubungan itu, penguat kuasa yang dinyatakan di Perkara 5.1 perlu mengeluarkan notis kepada staf atau pelajar yang ditangkap melanggar peraturan ini dan perlu mengemukakan notis tersebut kepada Pegawai/ Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran yang berada di UKM bagi siasatan dan denda dikeluarkan jika disabitkan kesalahan;
- c. Semua kontrak baharu yang melibatkan kemasukan pekerja-pekerja luar seperti kerja pembersihan, pembangunan dan penyelenggaraan bangunan/alat, perlu dimasukkan penguatkuasaan ini;
- d. Carta alir proses penguatkuasaan ini adalah seperti di **Lampiran A**; dan
- e. Borang Notis Ingkar Larangan Merokok di UKM adalah seperti di **Lampiran B**.

5.4. TINDAKAN PENGUATKUASAAN

- a. **STAF**
 - i. Kali pertama: RM250.00;
 - ii. Kali Kedua: RM500.00; dan
 - iii. Kali Ketiga: Tindakan tatatertib staf (prosiding penuh).

b. PELAJAR

- i. Kali pertama: RM100.00;
- ii. Kali Kedua: RM200.00; dan
- iii. Kali Ketiga: Tindakan tatatertib pelajar (prosiding di bawah Bahagian V Kaedah-Kaedah UKM (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999).

c. PEKERJA KONTRAKTOR

- i. Kali pertama: RM250.00;
- ii. Kali kedua: RM500.00; dan
- iii. Kali ketiga: Boleh dipertimbangkan untuk penamatan kontrak kerana ingkar atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah.

d. ORANG AWAM

Denda sebanyak RM250.00 dan diarahkan untuk berhenti merokok serta-merta dan sekiranya enggan berhenti merokok akan diarahkan keluar dari kawasan kampus.

- e. **Denda perlu dijelaskan** dalam tempoh **14 hari dari tarikh notis dikeluarkan**. Jika gagal pematangan gaji bagi staf atau dikemaskini sebagai hutang dalam sistem pelajar akan dilaksanakan; dan

- f. Kutipan denda akan dimasukkan sebagai hasil UKM.

5.5. PAPAN LARANGAN MEROKOK

- a. Saiz minimum rekabentuk papan larangan merokok adalah berdasarkan Jadual Ketiga, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (P.U.(A) 324/2004) seperti di **Lampiran C**;
- b. Bahagian Keselamatan UKM mengenalpasti pintu masuk utama ke UKM dan laluan yang sesuai untuk diletakkan papan larangan merokok;
- c. Mewajibkan semua PTj memastikan semua pintu masuk utama bangunan di PTj mempunyai papan larangan merokok; dan
- d. Semua kenderaan UKM juga perlu ditampal larangan ini.

5.6. KLINIK BERHENTI MEROKOK

Maklumat Klinik Berhenti Merokok (KBM) yang terdapat di UKM adalah seperti berikut:

Bil.	Lokasi	Maklumat Klinik
1.	Pusat Kesihatan Universiti (PKU)	Klinik Berhenti Merokok (KBM) di PKU e-mel: pkesihatan@ukm.edu.my No. Telefon: 03-8921 5115/5087
2.	Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) UKM	Klinik Berhenti Merokok (KBM) di Klinik Primer Cheras HCTM e-mel: kjperkl@ppukm.ukm.edu.my No. Telefon: 03-9171 0796/ 0230

6. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasa garis panduan ini, Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 22/2020: Garis Panduan Mengenai Larangan Merokok di dalam Kawasan Kampus UKM dan Pelaksanaannya bertarikh 19 Ogos 2020 adalah **dibatalkan**.

7. RUJUKAN

Akta Makanan 1983: Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (P.U.(A) 324/2004).

8. TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini **berkuat kuasa 1 Januari 2022**.

Kelulusan:


Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MJPU) Bil.1/2022 bertarikh 3 Januari 2022.

Disediakan oleh:


Jabatan Pendaftar
 Dengan Kerjasama:
 Penasihat Undang-Undang;
 Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan UKM;
 Pusat Kesihatan Universiti dan Hospital Pengajar UKM.
 Tarikh: 3 Januari 2022

LAMPIRAN A

CARTA ALIR PROSES PENGUATKUASAAN




LAMPIRAN B

 <p>UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i></p>	<h2>NOTIS INKAR LARANGAN MEROKOK DI UKM</h2>									
A. MAKLUMAT PELAKU										
1. Nama 2. UKM PER/Pelajar 4. Pusat Tanggungjawab	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 33%; height: 20px;"></td> <td style="width: 33%; text-align: center;">3. Jawatan</td> <td style="width: 33%;"></td> </tr> <tr> <td style="height: 20px;"></td> <td></td> <td></td> </tr> </table>		3. Jawatan							
	3. Jawatan									
B. MAKLUMAT KESALAHAN										
1. Lokasi 2. Masa 3. Tarikh	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 33%; height: 20px;"></td> <td style="width: 33%;"></td> <td style="width: 33%;"></td> </tr> <tr> <td style="height: 20px;"></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td style="height: 20px;"></td> <td></td> <td></td> </tr> </table>									
C. PENGESAHAN PEGAWAI PENGUAT KUASA										
1. Nama 2. UKM PER 4. Pusat Tanggungjawab	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 33%; height: 20px;"></td> <td style="width: 33%; text-align: center;">3. Jawatan</td> <td style="width: 33%;"></td> </tr> <tr> <td style="height: 20px;"></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td style="height: 20px;"></td> <td></td> <td></td> </tr> </table>		3. Jawatan							
	3. Jawatan									
D. PENGESAHAN PELAKU										
<ol style="list-style-type: none"> 1. Saya mengesahkan semua maklumat dan kesalahan yang disabitkan ini adalah benar; dan 2. Saya bersetuju dengan tindakan yang akan dikenakan kepada saya kerana ia merupakan suatu kesalahan dan boleh menyebabkan saya di denda atau diambil tindakan tatatertib. 										
Tandatangan Pelaku _____	Tarikh _____									
E. PENGESAHAN PEGAWAI/ PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN UKM										
Kesalahan ini adalah kesalahan:										
Kali Pertama <input type="checkbox"/>	Jumlah Denda RM <input style="width: 100px;" type="text"/>									
Kali Kedua <input type="checkbox"/>										
Kali Ketiga <input type="checkbox"/>										
Tandatangan & Cop Pegawai _____	Tarikh _____									

LAMPIRAN C

JADUAL KETIGA

[Perenggan 12(1)(a)]

BAHAN	BENTUK/SAIZ	PERIHAL	REKA BENTUK
<p>Apa-apa bahan yang keras, legap dan tahan lama.</p>	<p>(a) Papan tanda hendaklah berbentuk segi empat tepat.</p> <p>(b) Saiz minimum papan tanda adalah seperti yang berikut:</p> <p>(i) di dalam mana-mana tempat atau premis— 40sm x 50sm;</p> <p>(ii) di dalam mana-mana kenderaan awam— 15sm x 18sm;</p> <p>(iii) di dalam mana-mana teksi— 8sm x 10sm</p>	<p>Suatu bulatan tebal dan tanda palang tebal berwarna merah yang menindih rokok berwarna hitam yang dinyalakan hendaklah digunakan sebagai ilustrasi pada papan tanda. Papan tanda itu hendaklah mempunyai latar belakang berwarna putih. Pesanan "DILARANG MEROKOK" hendaklah ditulis pada papan tanda itu. Huruf pesanan hendaklah berwarna hitam dan jenis huruf ialah Arial.</p>	 <p>DILARANG MEROKOK</p>